




BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 26 – 28 JANUARI 2021

BIL. 3 /2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 28 Januari 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 154,299** atau 77.8 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **43,192 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **4,094 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **198,208 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.8 peratus** daripada catatan harian dengan sebanyak **3,328 kes dikesan atau 81.4 peratus** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah hanya 8 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 55.3 peratus**, Zon Selatan (20.5 peratus), Wilayah Malaysia Timur (12.4 peratus), Zon Utara (7.2 peratus) dan Zon Pantai Timur (4.6 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor dan Johor** dengan masing-masing **merekodkan 1,577 dan 717 kes** disusuli W.P Kuala Lumpur (678 kes), Sabah (282 kes), Sarawak (171 kes) dan Pulau Pinang (99 kes). Sejumlah **717 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **10 kematian terbaru**.

Melihat kepada perspektif ekonomi semasa, prestasi ekonomi Malaysia terus berdepan cabaran disebabkan oleh ketidakpastian yang berterusan dalam situasi kesihatan di dalam negara dan seluruh dunia. Pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan untuk mengimbangi antara kesihatan dan ekonomi dijangka menimbulkan impikasi kepada momentum pemulihan ekonomi.

Penularan pandemik COVID-19 terus menunjukkan lonjakan di peringkat global. Kemelut kesihatan ini turut memberi impak kepada momentum pemulihan ekonomi dunia. **Ekonomi dunia bagi 2021** dijangka bertumbuh lebih perlahan daripada yang dijangkakan apabila penularan COVID-19 semakin meningkat dan vaksin memerlukan masa yang lebih panjang untuk dilancarkan. **World Bank telah menurunkan ramalan pertumbuhan kepada 4% pada tahun 2021** dan akan dituruti oleh IMF yang akan mengemaskini prospek tinjauannya dalam tempoh terdekat. Keadaan ekonomi global dapat diperhatikan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain mengenai butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

AS: Pembinaan kediaman baharu melonjak ke paras tertinggi dalam jangka masa 14 tahun. Commerce Department AS melaporkan, pembinaan kediaman baharu meningkat 5.8% kepada 1.669 juta pada Disember berbanding 1.578 juta yang dicatatkan pada November 2020. Jumlah ini adalah yang tertinggi sejak September 2006 (1.72 juta). Selain itu, laporan tersebut turut menunjukkan bahawa **permit pembinaan** meningkat 4.5% kepada 1.709 juta pada Disember 2020 (November:1.635 juta). Sementara itu, Labor Department AS melaporkan bahawa **tuntutan faedah pengangguran** turun kepada 900,000 pada minggu berakhir 16 Jan 2021 berbanding 926,000 pada minggu sebelumnya. (RTT)

EU: Survei yang dilaksanakan oleh European Commission menunjukkan **aras keyakinan pengguna** di zon Eropah merosot pada kadar yang lebih cepat dari yang dijangkakan. Indeks keyakinan pengguna turun ke -15.5 pada Januari 2021 dari -13.9 pada Disember 2020. Penurunan ini adalah lebih rendah dari jangkaan -15.0. Manakala indeks keyakinan pengguna EU pula jatuh ke -16.5 dari -15.3 pada bulan Disember 2020. Kedua-dua indeks ini berada di bawah purata jangka panjang masing-masing iaitu -11.0 dan -10.6. Selain itu, berita melaporkan bahawa European Central Bank mengekalkan **kadar bunga dan langkah pelonggaran kuantitatif** (Quantitative Easing) seperti yang dijangkakan. Kadar pembiayaan semula (refi rate) dan kadar deposit disimpan kekal tidak berubah, masing-masing pada 0.0% dan -0.50% Bank mengekalkan saiz *pandemic emergency purchase programme* (PEPP) pada EU1.850 trillion. (RTT)

UK: **Prospek sektor pembuatan** semakin lemah. Pengusaha sektor pembuatan UK menjangkakan pengeluaran dan pesanan baharu akan terus dalam trend menurun dalam tiga bulan akan datang. Penurunan permintaan luar dan dalam negara menyebabkan jumlah pesanan baharu turun -12% pada tiga bulan berakhir Januari berbanding -3% pada tiga bulan berakhir Oktober. Pada tiga bulan berikutnya, jumlah pesanan baharu dijangka akan susut sebanyak -17%. Pengusaha menyatakan jumlah output pada umumnya tidak berubah pada suku hingga Januari tetapi 24% darinya menjangkakan pengeluaran akan turun sekali lagi pada suku yang akan datang. (RTT)

AS: Jualan rumah sedia ada AS kembali meningkat pada bulan Disember 2020. National Association of Realtors (NAR) melaporkan penjualan rumah yang ada meningkat 0.7% kepada 6.76 juta pada bulan Disember setelah jatuh sebanyak -2.2% kepada 6.71 juta pada bulan November. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, jualan rumah sedia ada Disember meningkat sebanyak 22.2% tahun ke tahun. (RTT)

EU: Kegiatan perniagaan EU menyusut pada bulan Januari. Kegiatan ekonomi di zon Eropah menyusut dengan ketara pada bulan Januari kerana sekatan pergerakan yang ketat untuk mengekang penularan wabak COVID-19. Langkah tersebut telah memberi kesan kepada sektor ekonomi terutama sektor Perkhidmatan. Indeks PMI IHS Markit zon Eropah jatuh di bawah paras 50 yang menandakan penyusutan, ke 47.5 pada bulan Januari 2021. (Reuters)

UK: Jualan runcit UK pulih pada kadar yang rendah bagi bulan Disember manakala pinjaman melonjak. Sektor Peruncitan UK mencatatkan pemulihan yang kecil pada bulan Disember apabila kerajaan mula menjalankan langkah

sekatan pergerakan pada bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, dengan keadaan semasa hutang kerajaan, ia menunjukkan petanda buruk bagi ekonomi UK pada awal 2021, yang sedang mengalami tekanan dari langkah-langkah pencegahan COVID-19 yang diperkenalkan pada bulan Januari 2021. (Reuters)

ASIA: Jangkaan Peniagaan Hong Kong (HK) merosot pada ST1 2021. Census and Statistics Department HK melaporkan bahawa jangkaan perniagaan suku pertama tahun ini dijangka lebih rendah berbanding tiga bulan terakhir tahun lalu. Hasil survei yang dijalankan menunjukkan jangkaan perniagaan bersih turun kepada -17 daripada -8 pada S4 2020. Sementara itu, **kadar inflasi Jepun** merosot -1.2% tahun ke tahun pada bulan Disember 2020. Indeks harga pengguna keseluruhan di Jepun turun -1.2% berbanding penurunan -0.9% pada bulan November. Indeks harga pengguna teras pula turun -1.0% pada Disember 2020 berbanding -0.9% pada bulan sebelumnya. Di antara komponen yang menyumbang kepada penurunan adalah bahan bakar, makanan, kesihatan & perubatan, pengangkutan, pendidikan dan rekreasi. Komponen yang mencatatkan peningkatan adalah perumahan, perabot dan pakaian. Pada asas bulanan yang disesuaikan mengikut musim, inflasi keseluruhan turun -0.1% dan IHP teras tidak berubah. (RTT).

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Ekonomi global dijangka pulih tahun ini** didorong oleh dasar fiskal dan kewangan yang telah diambil oleh **negara yang terkesan** dengan pandemik COVID-19. **China mendahului pemulihan di peringkat global dengan mencatatkan pertumbuhan KDNK 6.5%** pada suku keempat 2020, berbanding dengan tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ekonomi China berkembang 2.3% bagi tahun 2020.
2. **Jumlah harta tanah tidak terjual dijangka terus meningkat pada 2021** berdasarkan tingkat pendapatan, lokasi dan harga, demikian melalui Kajian Semula Pasaran Hartanah Rahim & Co 2020/2021. Hasil kajian mendapati tiga negeri iaitu **Johor, Selangor dan Kuala Lumpur** merekodkan bilangan tertinggi harta tanah tidak terjual iaitu masing-masing berjumlah **33,000 unit, 8,700 unit dan 7,800 unit**.
3. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pharmaniaga bekerjasama** untuk membekalkan lebih **12 juta dos vaksin Covid-19** yang dijangka bermula pada Februari 2021.
4. Rutin Bekerja dari rumah dan proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) menyebabkan **peningkatan jualan gajet. Shopee mencatat permintaan yang memberangsangkan untuk gajet teknologi** pembelajaran dan bekerja dari rumah dalam tempoh 11 hingga 15 Januari lalu, bertepatan dengan penguatkuasaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila **lebih 550,000 unit terjual**.
5. **Bank Islam Malaysia Berhad** membantu **seramai 350,000 pelanggan individu** dan perniagaannya menerusi **kemudahan bantuan pembayaran semula pemberian**.
6. **Malaysia masih lagi menjadi tumpuan** para pelabur dalam **industri teknologi hijau** dan secara keseluruhannya pada 2016 sehingga September 2020, sebanyak **RM18.55 bilion pelaburan telah diluluskan** melalui **1,317 projek teknologi**.
7. **Dexcom Inc.** akan membangunkan **kemudahan perkilangan** di Taman Perindustrian Batu Kawan, Pulau Pinang setelah terlepas sasaran awal pada separuh kedua tahun lepas disebabkan oleh perintah kawalan pergerakan (PKP) dan sekatan perjalanan merentas sempadan.
8. **Eksport India ke Malaysia** dalam sembilan bulan pertama tahun 2020 **meningkat 6.5 peratus kepada US\$4.6 bilion** berbanding tempoh sama pada

2019 di tengah penularan COVID-19 manakala import India dari Malaysia dalam tempoh itu **mencecah US\$5 bilion**.

9. Pelaksanaan PKP 2.0 telah menyebabkan **trafik penumpang udara mungkin hanya mencapai sebanyak 2%** daripada paras normal seperti mana yang berlaku pada April 2020 sewaktu PKP 1.0 mula dilaksanakan. Jumlah pengunjung yang direkodkan pada bulan **Januari 2021 adalah sebanyak 5,668 berbanding 14,763 pengunjung pada Disember 2020**.
10. Harga bahan binaan berasaskan besi mengalami kenaikan disebabkan **kesukaran mendapatkan bahan mentah**, isu kelewatan yang menyumbang kepada kesukaran penghantaran bagi bahan import dan permintaan yang berkurang dalam situasi pandemik. Selain itu, kenaikan harga bijih besi turut berlaku di seluruh dunia kerana **kebanyakan lombong bijih besi tidak dapat beroperasi dengan kapasiti penuh**, kesan daripada bencana alam dan isu pandemik.
11. Harga ternakan meningkat **10 peratus hingga 15 peratus** dalam tempoh dua minggu yang lalu serta harga ikan tempatan seperti mabung dan kembong turut meningkat.
12. Penjualan gajet seperti komputer riba, telefon pintar, tablet, komponen rangkaian, papan kekunci, pencetak dan sistem audio **melonjak empat setengah kali ganda berbanding tempoh PKP pertama tahun lalu**. Permintaan untuk PC dan gajet untuk e-pembelajaran meningkat secara mendadak.
13. Program MY5 telah ditubuhkan untuk **mengurangkan kadar kemiskinan dan membantu golongan B40**.
14. Permintaan nasional terhadap harta tanah **subjualan pada 2020 turun 1.3 peratus tahun ke tahun** manakala permintaan untuk harta tanah bertingkat tinggi berkurangan seiring dengan harga. Pada masa yang sama, permintaan bagi rumah teres juga positif pada pertumbuhan modal 2.6 peratus.
15. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaksanakan dua inisiatif **mendapatkan pembekal pelan data dan peranti untuk mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT)** dalam membantu meringankan beban pelajar terutama kalangan B40.

16. **Industri perladangan sawit di Sabah dibenarkan untuk meneruskan operasi harian mereka dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masing-masing bagi membendung penularan COVID-19.** Selain itu, industri tersebut akan melaksanakan penutupan operasi di sektor perladangan selama 30 hari secara sukarela bagi menangani pandemik tersebut.
17. **Bayaran lebihan bersih (NPP) bagi tahun 2020 dipengaruhi oleh harga pasaran minyak sawit, pandemik COVID-19, bilangan tenaga kerja dan faktor cuaca.** Harga pasaran minyak sawit pada 2020 agak rendah pada pertengahan pertama dan hanya menjangkau paras RM3,000 satu tan pada September.
18. Malayan Banking Bhd (Maybank) **memulakan program latihan lapan bulan di seluruh negara dengan kos RM500 ribu untuk meningkatkan kemahiran lebih 360 pekerja bukan perkeranian.** Program ini bagi meningkatkan kemahiran pekerja yang bersesuaian dalam persekitaran kerja Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan pandemik COVID-19.
19. **Peruntukan kerajaan bagi Program Subsidi Upah (PSU) pada 2020 dan 2021 berjumlah RM20.7 bilion telah memanfaatkan lebih 3 juta pekerja.** Tambahan RM500 juta diperuntukkan dalam PSU 3.0 dengan perluasan skop meliputi semua syarikat terjejas dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini menjadikan peruntukan bagi PSU 3.0 di bawah pakej bantuan PERMAI (Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia) berjumlah RM1.5 bilion. PSU 1.0 telah menggunakan RM12.7 bilion dan memanfaatkan 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja yang berdaftar. Sehubungan itu, PSU 2.0 telah menggunakan RM590.35 juta dan memanfaatkan 57,146 majikan bagi meneruskan operasi dan mengekalkan pekerjaan untuk 475,510 pekerja.
20. **Kebanyakan hotel telah memilih untuk menutup sementara operasi sempena pelaksanaan PKP,** manakala hotel yang masih beroperasi melaporkan kadar penginapan sebanyak dua ke empat peratus sahaja.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Markets 26 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	<p>BNM OPR cut seen as MCO drives Malaysian GDP slippage risk — UOB</p> <p>Bank Negara Malaysia (BNM) may cut the overnight policy rate (OPR) one more time to support the country's economic growth should the reenforcement of Malaysia's Movement Control Order (MCO) is extended.</p> <p>UOB Asset Management chief investment officer, another OPR cut is possible if stricter measures were to be introduced under the MCO.</p> <p>Given the growing number of Covid-19 cases, Malaysia's economy is expected to take a longer time to return to pre-Covid-19 levels.</p> <p>The central bank maintained the OPR at 1.75% at the central bank's three subsequent Monetary Policy Committee (MPC) meetings between September 2020 and January 2021.</p>	BNM OPR cut seen as MCO drives Malaysian GDP slippage risk — UOB
2.	The Malaysian Reserve 26 Jan 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Airlines descent further on MCO 2.0</p> <p>LOCAL airlines which have been badly hit by the impact of the Covid-19 pandemic since last year are expected to plummet even further as domestic travel comes to a grinding halt with the implementation of Movement Control Order (MCO) 2.0.</p>	https://themalaysianreserve.com/2021/01/26/airlines-descent-further-on-mco-2-0/

		<p>No interstate travelling will affect revenue and cashflow to airlines and airports. The recovery of air travel is not expected until the end of 2021.</p> <p>Global airlines are expected to continue suffering cash burn until 3Q21. Cash burn is expected to continue in 1H21 at between US\$20 billion (RM80.9 billion) and US\$30 billion.</p>	
3.	The Star 26 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Economic recovery takes time</p> <p>The notion that the economy can revive instantaneously after a lockdown has been lifted has no real basis.</p> <p>Public-private-rakyat synergy is an invaluable value proposition for nation building and should be embraced by all.</p> <p>Government must realise the snowballing impact on the labour market due to the prolonged MCO.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/01/26/economic-recovery-takes-time
4.	The Star 27 Jan 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Malaysia, Australia agree to measures to address Covid-19 including vaccination cooperation</p> <p>Malaysia and Australia have agreed and launched Malaysia-Australia Comprehensive Strategic Partnership (CSP) to undertake a set of measures to address the Covid-19 pandemic, including possible cooperation in vaccination.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/01/27/malaysia-australia-agree-to-measures-to-address-covid-19-including-vaccination-cooperation

		CSP will enable the two partners to navigate a new landscape and stay ahead of the curve. Both Prime Ministers approved the Plan of Action to chart out concrete initiatives under the three CSP main pillars namely, Economic Prosperity, Society & Technology and Defence Cooperation & Regional Security.	
5.	The Star 28 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Stimulus packages cushioning blow</p> <p>The government had introduced five economic stimulus packages to weather the impact of the pandemic which include the latest RM15bil Malaysian Economic and Rakyat's Protection Assistance Package (Permai), comprising 22 initiatives.</p> <p>Combined, they constitute about RM320bil or 20% of the Gross Domestic Product (GDP), causing the widening of the fiscal deficit to about 6%.</p> <p>The government also allocated RM322.5bil for Budget 2021, the largest expenditure in the country's history.</p> <p>The economy is expected to improve this year with a growth rate projected to be around 7%. The government can realign its spending priorities and can be more prudent so that the debt and deficit levels can be reduced.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/01/28/stimulus-packages-cushioning-blow

6.	The Star 28 Jan 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>5.4 million EPF members opt for lower monthly cut</p> <p>The government decided to allow members to reduce the 11% statutory monthly contribution to 9% in order to boost disposable income during the Covid-19 pandemic.</p> <p>EPF received 2.09 million applications from members who were keen to maintain the full rate.</p> <p>There was a total of 5.4 million applications who opted out of contributing the full 11%.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/01/28/54-million-epf-members-opt-for-lower-monthly-cut
----	--	--	---

Penemuan penting & isu:

1. Pelaksanaan PKP 2.0 telah menyebabkan trafik penumpang udara mungkin mencapai sebanyak 2% daripada paras normal seperti mana yang berlaku pada April 2020 sewaktu PKP 1.0 mula dilaksanakan.
2. Jumlah pengunjung yang direkodkan pada bulan Januari 2021 adalah sebanyak 5,668 berbanding 14,763 pengunjung pada Disember 2020. Majoriti pengunjung adalah dari negeri-negeri Pantai Barat seperti Selangor, Kuala Lumpur dan Johor.
3. Antara 3 inisiatif utama di bawah Malaysia-Australia Comprehensive Strategic Partnership (CSP) adalah berkaitan Kesejahteraan Ekonomi; Masyarakat dan Teknologi serta Kerjasama Pertahanan dan Keselamatan Serantau. Menerusi CSP, kedua-dua negara berpeluang menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang baharu antaranya ekonomi digital, pertanian dan sekuriti makanan, pengurusan bencana dan kesihatan awam, kesihatan mental, sains, teknologi dan inovasi (STI), alam sekitar dan pemerkasaan belia.

Maklumbalas Bahagian:

1. Semenjak pelaksanaan PKP, industri pelancongan dan penerbangan adalah antara industri yang terjejas teruk berikutan penutupan sempadan negara dan pergerakan dalam negara yang terhad. Pada tahun 2020, industri pelancongan dijangka merekodkan pertumbuhan yang perlahan

<p>berbanding tahun 2019 di mana industri ini merekodkan sumbangan sebanyak 15.9% kepada ekonomi negara.</p> <p>2. Kerjasama antara Malaysia dan Australia ini akan membantu mengukuhkan ekonomi negara dalam menghadapi cabaran COVID-19. Ia juga dilihat dapat membuka jalan bagi kerjasama baru seperti ekonomi digital, kesihatan, sains dan teknologi dan sebagainya.</p>			
B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	The Star 26 Jan 2021 (Essential)	<p>Pharmaniaga signs deal to supply 12 million doses of vaccine to MOH</p> <p>Pharmaniaga Bhd has entered into a term sheet agreement with the Government to supply 12 million doses of Covid-19 vaccine developed by China's Sinovac Life Sciences Co Ltd. The vaccine fill-finish processing by Pharmaniaga into vials is expected to start in February. The Agreement and collaboration will strengthen vaccine business for Pharmaniaga</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/01/26/pharmaniaga-signs-deal-to-supply-12-million-doses-of-vaccine-to-moh
2.	New Strait Times 26 Jan 2021 (Essential)	<p>Duopharma to supply 6.4mil doses of Russian Covid-19 vaccine to Malaysia</p> <p>Duopharma Biotech Bhd has confirmed (DMSB) it will procure and supply to the Health Ministry the Covid-19 vaccine known as Sputnik V developed by the Gamaleya National Research Institute of Epidemiology and Microbiology. DMSB has entered into a term sheet agreement with the MOH to supply 6.4 million</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/01/660792/duopharma-supply-64mil-doses-russian-covid-19-vaccine-malaysia

		doses to vaccinate 3.2 million Malaysians.	
3.	Berita Harian 26 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Permintaan luar biasa gajet di Shopee semasa PKP 2.0</p> <p>Shopee mencatat permintaan yang memberangsangkan untuk gajet teknologi pembelajaran dan bekerja dari rumah dalam tempoh 11 hingga 15 Januari 2021. Penjualan komputer riba, telefon pintar, tablet, komponen rangkaian, papan kekunci, pencetak dan sistem audio melonjak empat setengah kali ganda dalam tempoh lima hari itu berbanding tempoh yang sama semasa PKP pertama tahun lalu.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/tekno/logi/2021/01/780070/permintaan-luar-biasa-gajet-di-shopee-semasa-pkp-20
4.	Berita Harian 26 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Nestle tawar hadiah lebih RM900,000</p> <p>Nestle memperkenalkan Peraduan Nestle Niu Year bersempena Tahun Baru Cina dengan menawarkan hadiah bernilai lebih RM900,000. Dengan hanya membeli produk Sedia Untuk Diminum (RTD) Nestle seperti minuman dalam tin, botol dan paket UHT terpilih bernilai RM5 sepanjang tempoh peraduan, lapan peserta bertuah berpeluang memenangi hadiah utama berupa Proton X50 serba baharu.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/01/780096/nestl%C3%A9-tawar-hadiah-lebih-rm900000
B. Subsektor Kewangan			
5.	Harian Metro 26 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Bank Islam bantu 350,000 pelanggan</p> <p>Bank Islam membantu seramai 350,000 pelanggan individu dan perniagaan menerusi kemudahan</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/01/668095/bank-islam-bantu-350000-pelanggan

	<p>bantuan pembayaran semula pembiayaan membabitkan RM37.9 bilion.</p> <p>Hampir 24,000 permohonan dengan amaun baki pembiayaan berjumlah melebihi RM3 bilion diluluskan di bawah program itu sejak pelaksanaan PKPB pada Oktober 2020. Pelanggan yang tidak mengalami kehilangan atau pengurangan punca pendapatan juga dibantu dengan menawarkan Penjadualan dan Penstrukturkan Semula Pembiayaan.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

21. KKM dan Pharmaniaga bekerjasama untuk membekalkan lebih 12 juta dos vaksin Covid-19 yang dijangka bermula pada Februari 2021.
22. Duopharma akan membekalkan vaksin Covid-19 iaitu Sputnik V sebanyak 6.4 juta dos kepada 3.2 juta rakyat Malaysia.
23. Rutin Bekerja dari rumah dan proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) menyebabkan peningkatan jualan gajet.
24. Nestle memperkenalkan Peraduan Nestle Niu Year bersempena Tahun Baru Cina.
25. Bank Islam Malaysia Berhad membantu seramai 350,000 pelanggan individu dan perniagaannya menerusi kemudahan bantuan pembayaran semula pembiayaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerjasama diantara syarikat farmasi dan juga KKM dalam penyediaan vaksin Covid-19 dapat membantu syarikat farmasi terus kukuh.
2. Peningkatan jualan gajet dan alat aksesori komputer sepanjang tempoh PKP 2.0 mampu menaikkan prestasi subsektor Perdagangan Runcit.
3. Kemudahan bantuan kewangan dari bank dapat meringankan beban yang ditanggung pengguna dalam tempoh Covid-19 secara tidak langsung dapat membantu pengguna untuk berbelanja barang keperluan rutin secara normal.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	New Straits Times 26 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	<p>SK Nexilis to build RM2.3bil plant in Malaysia, its first overseas production base</p> <p>South Korea's SK Nexilis has announced a proposed investment of RM2.3 billion to set up its first overseas production base in Malaysia.</p> <p>To be located at Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) in Sabah, SK Nexilis will build a copper foil manufacturing facility with an annual production capacity of 50,000 tonnes.</p> <p>The facility's construction will tentatively begin in the first half of this year and commercial operations to kickstart by 2023.</p> <p>Once in operations, the new facility will increase SK Nexilis' copper foil production capacity by three times its current global capacity to about 100,000 tonnes.</p> <p>SK Nexilis boasts of as world No.1 technology in manufacturing copper foil for batteries. The company has an industry reputation for building among the best copper foil factories.</p>	https://www.nst.com.my/business/2021/01/660790/sk-nexilis-build-rm23bil-plant-malaysia-its-first-overseas-production-base
2.	Bernama 26 Jan 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Eksport India ke Malaysia meningkat di sebalik COVID-19: Pesuruhjaya Tinggi	https://www.freemalaysiatoday.com/category/business/local-business/2021/01/24

	<p>Eksport India ke Malaysia dalam sembilan bulan pertama tahun 2020 meningkat 6.5 peratus kepada US\$4.6 bilion berbanding tempoh sama pada 2019 di tengah penularan COVID-19 manakala import India dari Malaysia dalam tempoh itu mencecah US\$5 bilion.</p> <p>Malaysia adalah antara kumpulan pertama dari 10 negara yang dimasukkan dalam Vande Bharat Mission, misi penghantaran pulang terbesar pernah dilakukan kerajaan India.</p>	<u>/we-are-here-for-the-long-term-say-german-companies/</u>
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. SK Nexilis, syarikat Korea Selatan yang membina kerajang tembaga bagi pengeluar bateri kenderaan elektrik (EV), SKC, membuka kemudahan pengeluaran luar negara pertamanya di Kompleks Perindustrian KKPI, Kota Kinabalu Sabah. Dengan cadangan pelaburan 650 bilion won (RM2.3 bilion), syarikat itu akan membina kemudahan pengeluaran kerajang tembaga dengan kapasiti pengeluaran tahunan 50,000 tan. Pembinaan kemudahan berkenaan dijadualkan bermula pada separuh pertama 2021 dan operasi komersial akan bermula pada 2023. Sebaik beroperasi, kemudahan baharu itu akan meningkatkan kapasiti pengeluaran kerajang tembaga SK Nexilis sebanyak tiga kali ganda kapasiti global semasanya kepada kira-kira 100,000 tan.
2. Eksport India ke Malaysia dalam sembilan bulan pertama tahun 2020 meningkat 6.5 peratus kepada US\$4.6 bilion berbanding tempoh sama pada 2019 di tengah penularan COVID-19 manakala import India dari Malaysia dalam tempoh itu mencecah US\$5 bilion. Sejak awal penularan wabak, India membekalkan ubat-ubatan (Hydroxychloroquine dan paracetamol) dan produk penting lain untuk membantu Malaysia. Malaysia adalah antara kumpulan pertama dari 10 negara yang dimasukkan dalam Vande Bharat Mission, misi penghantaran pulang terbesar pernah dilakukan kerajaan India.

Maklumbalas Bahagian:

1. Malaysia mengimport tembaga sebanyak 369 ribu tan metrik (penurunan sebanyak 51 ribu tan metrik atau 12.3%) bagi tempoh Januari hingga November 2020. Nilai import tembaga bernilai RM6,326 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM4,484 juta atau 41.5%.

2. Nilai eksport ke negara India bagi tempoh Januari hingga November 2020 bernilai RM26,059 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM9,821 juta atau 27.4%. Manakala, nilai import dari negara India bagi tempoh yang sama bernilai RM22,668 juta dan mencatatkan sedikit peningkatan sebanyak RM811 juta atau 3.7%.
3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	TheStar.com 25 Jan 2021 (non-essential)	HSR Project might be revisited when economy is more stable The Kuala Lumpur-Singapore High-Speed Rail (HSR) project, which could have benefited property projects along its route, may be revisited by the government later.	https://www.thestar.com.my/aseanplus/aseanplus-news/2021/01/25/hsr-project-might-be-revisited-when-economy-is-more-stable
2.	New Straits Times 26 Jan 2021 (non-essential)	Property overhang to remain high in 2021, says Rahim & Co The number of overhang properties is expected to remain high in 2021 based on income level, locations and prices, according to Rahim & Co International Sdn Bhd. Its research director Sulaiman Saheh referred to Rahim & Co's Property Market Review 2020/2021 which showed that three states, Johor, Selangor and Kuala Lumpur recorded the highest numbers of overhang properties at 33,000 units, 8,700 units and 7,800 units respectively.	https://www.nst.com.my/property/2021/01/660707/property-overhang-remain-high-2021-says-rahim-co
3.	The Star.com 26 Jan 2021 (non-essential)	Poh Huat says 543 workers tested positive for Covid	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/01/26/poh-huat-says-543-workers-tested-positive-for-covid

	A total of 543 employees of furniture maker Poh Huat Resources Holdings Bhd's subsidiary have tested positive for Covid-19 during a screening exercise.	h-huat-says-543-workers-tested-positive-for-covid
--	---	---

Penemuan penting & isu:

1. HSR KL-Singapura berkemungkinan akan dikaji semula oleh Kerajaan apabila ekonomi menjadi lebih stabil.
2. Jumlah harta tanah tidak terjual dijangka kekal tinggi pada 2021 mengambil kira tahap pendapatan, lokasi dan harga harta tanah tersebut.
3. *The screening exercise found 38.7% of the 1,400 employees or 543 workers were tested positive.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian turut mengambil maklum berkenaan projek HSR yang mungkin dikaji semula dan harta tanah tidak dijual yang kekal tinggi pada tahun 2021.
2. Bahagian mengambil maklum pekerja kilang perabot di Bukit Pasir, Muar positif COVID-19 sebanyak 543 orang daripada 1,400 pekerja.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 26 Jan 2021 <i>(Non Essential)</i>	<p>Malaysia komited perkukuh pelaburan teknologi hijau</p> <p>Malaysia akan terus mengukuhkan pelaburan dalam industri teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui seiring dengan matlamat negara menjadi peneraju dalam industri itu di Asia. Dalam tempoh sembilan bulan sehingga September 2020, sebanyak RM2.23 bilion pelaburan dalam industri teknologi hijau diluluskan. Secara keseluruhannya pada 2016 sehingga September 2020, MIDA meluluskan 1,317 projek teknologi hijau dengan pelaburan berjumlah</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/01/780058/malaysia-komited-perkukuh-pelaburan-teknologi-hijau

		<p>RM18.55 bilion. MIDA merekodkan 63 syarikat perkhidmatan teknologi hijau dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan operasi yang dicadangkan sebanyak RM318.51 juta. Persidangan dan Pameran Antarabangsa Greentech dan Produk Eko Malaysia Ke-11 (IGEM 2020) yang lalu, MIDA berjaya menarik 64 projek pelaburan teknologi hijau berjumlah RM3.08 bilion dari sektor perkilangan (RM30.4 juta) dan perkhidmatan (RM3.05 bilion). Tenaga boleh diperbaharui (RE), kecekapan tenaga (EE), pajakan solar, pengurusan sisa bersepadu, bangunan hijau dan sektor pembuatan antara pelaburan berpotensi yang dicapai ketika penganjuran itu. Segmen pengurusan sisa RE terus menjadi pelaburan tertinggi berjumlah RM1.75 bilion (57 peratus), diikuti segmen hidro mini RE pada RM814 juta (26 peratus).</p>	
2.	Bernama 26 Jan 2021 <i>(Non Essential)</i>	<p>DexCom mulakan pembinaan kemudahan perkilangan pada awal Februari, kata InvestPenang</p> <p>DexCom Inc. akan memulakan pembinaan kemudahan perkilangannya di kawasan seluas 28 ekar (11.33 hektar) di Taman Perindustrian Batu Kawan, Pulau Pinang pada awal Februari 2021 setelah terlepas sasaran awal pada separuh kedua tahun lepas. Kelewatan itu disebabkan oleh</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1925715

	<p>perintah kawalan pergerakan (PKP) dan sekatan perjalanan merentas sempadan. Pembinaan djangka mengambil masa sekurang-kurangnya 12 hingga 14 bulan untuk disiapkan. Pada Jun 2020, kerajaan negeri mengumumkan bahawa DexCom akan membangunkan kemudahan ketiga dan paling terbaru, yang juga akan menjadi yang pertama di luar Amerika Syarikat. Dexcom mengembangkan, mengeluarkan dan mengedarkan sistem pemantauan glukosa berterusan untuk pengurusan diabetes. Dengan pendapatan AS\$1.5 bilion pada tahun 2019, DexCom adalah syarikat teknologi perubatan inovatif yang diiktiraf di seluruh dunia. Pulau Pinang mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM10.6 bilion untuk sembilan bulan pertama tahun 2020. Untuk tahun ini, Pulau Pinang akan terus fokus untuk memperkuat daya saingnya untuk menarik pelaburan langsung pembuatan asing dan domestik yang berkualiti tinggi. Ini termasuk pelaburan langsung domestik (DDI) dan pelaburan langsung asing (FDI), terutama dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), automasi dan peralatan berkaitan dengan E&E dan teknologi perubatan.</p>	
Penemuan penting & isu:		
<ol style="list-style-type: none"> 1. Malaysia terus mengukuhkan pelaburan dalam industri teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui seiring dengan matlamat negara menjadi peneraju dalam industri ini di Asia. Walau dengan keadaan pandemik COVID 19, Malaysia 		

masih lagi menjadi tumpuan para pelabur dalam industri teknologi hijau dan secara keseluruhannya pada 2016 sehingga September 2020, sebanyak RM18.55 bilion pelaburan telah diluluskan melalui 1,317 projek teknologi.

2. Dexcom Inc. akan membangunkan kemudahan perkilangan di Taman Perindustrian Batu Kawan, Pulau Pinang setelah terlepas sasaran awal pada separuh kedua tahun lepas disebabkan oleh perintah kawalan pergerakan (PKP) dan sekatan perjalanan merentas sempadan. Pembinaan ini akan mengambil masa dalam 12 hingga 14 bulan untuk selesai dibina. Pelaburan dari Dexcom Inc. ini akan terus dapat menyakinkan pelabur untuk terus melabur dengan ketersediaan bakat yang berkelayakan dalam bidang yang diperlukan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Dengan krisis kewangan dan kesihatan global disebabkan oleh pandemik Covid 19, Malaysia terus mengukuhkan pelaburan dalam industri teknologi hijau. Pelaksanaan program yang agresif oleh MIDA dapat menarik pelabur asing dan domestik serta pelbagai inisiatif dalam memperkasakan lagi pelaburan dalam industri ini. Sementara itu, pembinaan kawasan perkilangan oleh pihak Dexcom Inc. yang merupakan pembangunan kemudahan ketiga dan paling terbaru, yang juga pertama di luar Amerika Syarikat. Pembinaan ini menunjukkan keyakinan pelabur asing kepada Malaysia dan dapat menyakinkan lagi pelabur untuk terus melabur di Malaysia. Aktiviti pelaburan asing ini akan memberi kesan positif penyusunan statistik Imbangan Pembayaran terutamanya bagi pelaburan langsung di Akaun Kewangan. Pada suku tahun ketiga 2020, Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM0.8 bilion.

F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge 26 Jan 2021 <i>(Non essential)</i>	World economy to make a comeback this year, led by China, says APIB <p>The global economy is expected to recover this year, driven by support from governments worldwide and vaccine rollouts, led by China. China was the first globally significant economy to begin recovering from the Covid-19 crisis.</p> <p>Adequate fiscal and monetary policies introduced by the</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/world-economy-make-comeback-year-led-china-says-apib

		<p>governments worldwide will be the engine of the growth. China recorded a gross domestic product growth of 6.5% in the fourth quarter of 2020, compared with the same period a year earlier, pushing its economic growth to 2.3% for the full year. Adequate fiscal and monetary policies introduced by the governments worldwide will be the engine of the growth.</p>	
2.	Bernama 27 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Kerajaan salur RM2.55 bilion kepada PKS mikro melalui program GKP, GKP 2.0 - Tengku Zafrul</p> <p>Kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM2.55 bilion kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro melalui program Geran Khas Prihatin (GKP) dan GKP 2.0.</p> <p>Dana RM100 juta bagi Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN (TBRS) khusus bagi PKS Mikro telah mencapai matlamatnya untuk melonjakkan perniagaan dengan memanfaatkan 14,946 PKS Mikro. Setakat 15 Jan, 2021, pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN) telah memanfaatkan 9,652 PKS Mikro dengan peruntukan sebanyak RM328.1 juta.</p> <p>Mengenai Sokongan Penggunaan Teknikal dan Digital bagi PKS dan Syarikat di Peringkat Pertengahan (MTC) setakat ini sebanyak RM23.4 juta telah disalurkan kepada</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1926243

		5,941 perniagaan dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan digitalisasi.	
3.	Bernama 27 Jan 2021 <i>(Non essential)</i>	<p>Jumlah pengunjung ke Jambatan Angkat Terengganu merosot</p> <p>Jumlah pengunjung ke Jambatan Angkat atau 'drawbridge' di Kuala Nerus, telah mengalami kemerosotan hampir 40 peratus sejak awal tahun ini apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) buat kali kedua (2.0), dilaksanakan. Jumlah pengunjung merudum kepada 5,668 orang pada Januari ini berbanding jumlah pengunjung seramai 14,763 orang pada bulan Disember lalu.</p> <p>Seramai 13,648 pengunjung Jambatan Angkat pada Oktober 2020, dan jumlah tersebut merosot kepada 2,742 pengunjung pada November (2020) ekoran pelaksanaan PKPB (Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat).</p> <p>Kos penyelenggaraan Jambatan tersebut sebanyak RM100,000 ditampung menggunakan dana yang disimpan melalui lonjakan penjualan tiket kemasukan ke Galeri Skybridge sebelum ini, selain turut dibantu syarikat induk Terengganu Incorporated.</p> <p>Di samping itu, inisiatif memasarkan produk</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1926081

		cenderamata Jambatan Angkat seperti t-shirt, topi dan pelitup muka secara dalam talian sejak awal Januari ini sedikit sebanyak dapat menampung kos penyelenggaraan jambatan tersebut. Selain melalui platform Shopee, barang cenderamata turut dijual di laman Facebook dan Instagram.	
4.	Bernama 27 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pemantauan menerusi petunjuk ekonomi penting bagi kurangkan impak COVID-19</p> <p>Usaha pemantauan berterusan menerusi petunjuk-petunjuk ekonomi akibat pandemik COVID-19, disifatkan sebagai penting dalam usaha mengurangkan impaknya terhadap ekonomi.</p> <p>Menurut Ketua Perangkawan memandangkan pandemik COVID-19 telah memberi cabaran besar ke atas ekonomi global.</p> <p>Melalui kenyataan media Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia Siri 1/2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan.</p> <p>Di samping itu, ekonomi Malaysia dijangka terus berada dalam fasa pemulihan berikut Indeks Pelopor (IP) pada November 2020 yang mencatat 109.1 mata iaitu meningkat 7.1 peratus berbanding tempoh sama pada 2019.</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1926137

Penemuan penting & isu:

1. Usaha pemantauan berterusan menerusi petunjuk ekonomi adalah penting bagi mengukur impak pandemik terhadap ekonomi. Melalui Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia Siri 1/2021, China mencatat perkembangan ekonomi yang pesat kepada 6.5 peratus tahun ke tahun pada suku keempat dengan prestasi eksport dan sektor pembuatannya terus meningkat. Dari sudut prestasi Malaysia, nilai terkini eksport terus menunjukkan tanda-tanda pemulihan pada November 2020 iaitu peningkatan bagi bulan ketiga berturut-turut berbanding tempoh sama pada 2019.
2. Kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM2.55 bilion kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro melalui program Geran Khas Prihatin (GKP) dan GKP 2.0. Di samping itu, sebanyak 14,946 PKS Mikro telah menerima manfaat daripada Skim Pemulihan Perniagaan Tekun sebanyak RM100 juta. Sebanyak 9,652 PKS Mikro telah menerima peruntukan sebanyak RM328.1 juta di bawah pembiayaan Mikro Kredit PENJANA. Setakat ini sebanyak RM23.4 juta telah disalurkan kepada 5,941 perniagaan bagi Sokongan Penggunaan Teknikal dan Digital bagi PKS dan Syarikat di Peringkat Pertengahan (MTC).
3. Jumlah pengunjung ke Jambatan Angkat atau ‘drawbridge’ di Kuala Nerus telah mengalami kemerosotan hampir 40 peratus sejak awal tahun ini apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) buat kali kedua (2.0) dilaksanakan. Jumlah pengunjung merudum kepada 5,668 orang pada Januari ini berbanding jumlah pengunjung seramai 14,763 orang pada bulan Disember lalu. Antara inisiatif diambil bagi menampung kos penyelenggaraan adalah melalui jualan cenderamata atas talian serta media sosial seperti Facebook dan Instagram.
4. Ekonomi global dijangka pulih tahun ini didorong oleh dasar fiskal dan kewangan yang telah diambil oleh negara yang terkesan dengan pandemik COVID-19. China mendahului pemulihan di peringkat global dengan mencatatkan pertumbuhan KDNK 6.5% pada suku keempat 2020, berbanding dengan tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ekonomi China berkembang 2.3% bagi tahun 2020.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemantauan perkembangan ekonomi Negara akibat daripada pandemik COVID-19 menerusi petunjuk ekonomi menunjukkan bahawa ekonomi berada dalam fasa pemulihan. Indeks Pelopor (IP) pada November 2020 mencatatkan 109.1 mata iaitu meningkat 7.1 peratus berbanding tempoh sama pada 2019. Di samping itu, Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan

	Rakyat Malaysia (PERMAI) dijangka mampu mengurangkan beban kewangan rakyat serta mengekalkan daya tahan ekonomi negara.
2.	Matlamat merangsang ekonomi PKS merangkumi inisiatif Kerajaan yang berterusan. Selain daripada Geran Khas Prihatin bernilai RM2.55 bilion yang telah disalurkan kepada PKS, Kerajaan telah menyalurkan pelbagai peruntukan di bawah program Pemulihan Perniagaan Tekun sebanyak RM100 juta serta Mikro Kredit Penjana RM328.1 juta. Di samping itu, sebanyak RM23.4 juta telah disalurkan kepada 5,941 perniagaan dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan digitalisasi. Inisiatif ini dijangka akan memberi impak yang positif kepada pertubuhan PKS.
3.	Sektor pelancongan Malaysia turut terkesan dengan pelaksanaan PKP 2.0. Di Terengganu, jumlah pengunjung Jambatan Angkat yang merupakan antara ikon negeri itu merudum kepada 5,668 pengujung pada bulan Januari tahun ini, berbanding bulan sebelumnya. Antara inisiatif diambil bagi menampung kos penyelenggaran jambatan tersebut adalah dengan memanfaatkan teknologi digital melalui jualan atas talian serta media sosial. Pada tahun 2019, seramai 239.1 juta pelawat domestik bagi negeri Terengganu dengan pertumbuhan sebanyak 8.1 peratus berbanding tahun sebelumnya (7.7%)

G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Markets 25 Jan 2021 (Essential)	<p>Steel: Depleting iron ore supply among reasons for price increase - CIDB</p> <p>Inadequate supply of iron ore worldwide is among the reasons why the price of steel bars in the country's construction sector has increased.</p> <p>Another reason for the price escalation was difficulty in obtaining raw material such as imported iron ore and scrap metal.</p> <p>Delivery was hindered by the Movement Control Order imposed during the pandemic and renewed demand for a time caused the price of existing stocks to rise.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/steel-depleting-iron-ore-supply-among-reasons-price-increase-%E2%80%94-cidb

2.	Free Malaysia Today 25 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	Fish and veg prices to drop within weeks, says Mydin boss The recent spike in food prices, which rose by 30% to 250%, is likely to return to normal within three weeks.	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/01/25/fish-and-veg-prices-to-drop-within-weeks-says-mydin-boss/
3.	The Sun Daily 27 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	MY5 programme with aim of eradicating urban poverty MYJob @ Wilayah would offer more than 3,000 job opportunities to city dwellers, especially those affected by COVID-19, in six areas of employment, namely services, construction, maintenance, cleaning, manufacturing and packaging MYSchoolBus @ Wilayah initiative, which aims to help ease the transportation expenses of school children from the low-income group, will be expanded to 158 low-cost public and private housing areas involving almost 10,000 students MYGrocer @ Wilayah programme - which offers the B40 target group to buy kitchen items at prices up to 20 per cent lower - to 158 public and private low-cost housing areas as well as traditional villages around the capital. MYFood @ Wilayah a success in ensuring that free food assistance can be enjoyed by more people in need MYMedic @ Wilayah which provides basic treatment and free screening through mobile clinics to the less fortunate city dwellers	https://www.thesundaily.my/local/ft-ministry-expands-my5-programme-with-aim-of-eradicating-urban-poverty-YK6369221

	<p>on a weekly basis, will also be expanded to more areas.</p> <p>Rice distribution programme through MYBeras @ Wilayah, which will be implemented from Feb 1 until June this year, to alleviate the burden of Federal Territories residents affected by COVID-19.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. CIDB menyatakan bahawa harga bahan binaan terutama besi tetulang dan bahan binaan berdasarkan besi mengalami kenaikan harga disebabkan kesukaran mendapatkan bahan mentah, isu kelewatan yang menyumbang kepada kesukaran dan kelewatan penghantaran bagi bahan import dan permintaan yang berkurang dalam situasi pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
2. Selain itu, kenaikan harga bijih besi di seluruh dunia turut berlaku disebabkan kekurangan bekalan kerana kebanyakan lombong bijih besi tidak dapat beroperasi dengan kapasiti penuh, kesan daripada bencana alam dan isu pandemik.
3. Dalam tempoh dua minggu yang lalu, harga ternakan meningkat 10% hingga 15%, sementara ikan tempatan seperti Mabung naik dari RM12 hingga RM18 sekilogram, dan Kembong dari RM7 hingga RM9 sekilogram. Penjual menjangkakan harga akan kembali rendah dalam tempoh tiga minggu akan datang.
4. Program MY5 adalah inisiatif kerajaan yang ditubuhkan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan membantu golongan B40.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian ambil maklum berkenaan dengan isu kenaikan harga bahan binaan seperti simen, besi dan bitumen. Perkara ini akan dapat dilihat di dalam penerbitan Indeks Bahan Binaan Bangunan keluaran Januari 2021.
2. Perubahan harga barang basah seperti ayam, ikan dan sayur-sayuran akan memberi kesan kepada IHP Januari 2021 terutamanya bagi indeks kumpulan Makanan dan Minuman bukan Alkohol.
3. Bahagian ambil maklum berkenaan dengan isu yang berkaitan kemiskinan.

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama 26 Jan 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Trend pasaran harta tanah subjualan kini beralih ke pinggir bandar</p> <p>Setakat Disember 2020, kunjungan unik kepada portal iProperty untuk senarai harta tanah sub jualan mengalami peningkatan semula iaitu 85 peratus sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020.</p> <p>Memandangkan ramai yang turut menghadapi cabaran pemotongan gaji dan kehilangan pekerjaan, minat terhadap harta tanah dalam senarai harga berjulat lebih rendah juga berkurangan.</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1925882
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> Permintaan nasional terhadap harta tanah subjualan pada 2020 turun 1.3 peratus tahun ke tahun manakala permintaan untuk harta tanah bertingkat tinggi berkurangan seiring dengan harga, sementara permintaan bagi rumah tetap positif pada pertumbuhan modal 2.6 peratus. 			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> Perumahan merupakan salah satu maklumat yang akan dikumpul dalam Banci 2020. 			
I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 26 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Dua inisiatif untuk pastikan pelajar IPT B40 tidak tercicir</p> <p>Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaksanakan dua inisiatif bagi mendapatkan tawaran terbaik daripada syarikat pembekal pelan data dan peranti untuk mahasiswa institusi</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/780072/dua-inisiatif-untuk-pastikan-pelajar-ipt-b40-tidak-tercicir

		<p>pengajian tinggi (IPT terutamanya kategori B40).</p> <p>Ini dapat membantu pelajar supaya tidak perlu menanggung kos yang tinggi untuk melanggani pakej pelan data bagi capaian internet.</p>	
2.	Bernama 26 Jan 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>PdPR: Beri peluang kepada guru dan tingkatkan latihan perguruan</p> <p>Semua pihak haruslah memahami situasi semasa dengan memberi ruang dan peluang yang mencukupi kepada warga pendidik untuk benar-benar fasih dan mahir membudayakan PdPR dalam bidang pendidikan.</p> <p>Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dicadangkan mengambil seorang dua pendidik yang pakar dan mahir dalam PdPR sama ada dari tempatan atau luar negara, bagi memberi pendedahan kaedah dan proses yang bersesuaian kepada para guru.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/779945/pdpr-beri-peluang-kepada-guru-dan-tingkatkan-latihan-perguruan
3.	The Star 28 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Universities have plans in place for semester delay</p> <p>Any delay to the start of the second semester of the academic year will not cause any major disruption to teaching and learning, say higher education institutions (HEIs).</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/01/28/universiti-es-have-plans-in-place-for-semester-delay

		But varsities will adopt different approaches should there be such a delay due to the high number of Covid-19 cases.	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaksanakan dua inisiatif mendapatkan tawaran terbaik daripada syarikat pembekal pelan data dan peranti untuk mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT), terutama kategori B40.
2. Warga pendidik seharusnya diberi ruang dan peluang dalam mengaplikasi norma baharu PdPR dalam sektor pendidikan.
3. *Varsities will adopt different approaches should there be delay to the start of the second semester of the academic year.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sedang berusaha mendapatkan pembekal pelan data dan peranti untuk mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) dalam membantu meringankan beban pelajar terutama kalangan B40. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah, peratusan isi rumah mengikut kumpulan pendapatan B40 tertinggi adalah di Perak iaitu sebanyak 12.7 peratus pada 2019.
2. Pada saat yang sukar ini, kita hendaklah memahami dan memberi ruang kepada guru untuk menyesuaikan diri dengan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang juga baru diperkenalkan. Berdasarkan MyLocal Stats 2019, bilangan guru sekolah rendah kerajaan adalah seramai 235,987 orang dan guru sekolah menengah kerajaan pula seramai 180,572 orang.
3. Penangguhan pembelajaran di universiti, dijangka akan menjelaskan bilangan keluaran pelajar di universiti pada tahun tamat belajar. Berdasarkan MyLocal Stats 2019, bilangan keluaran pelajar di universiti awam pada 2019 adalah seramai 128,418 orang.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama 26 Jan 2021 (Essential)	Operasi minyak sawit di Sabah berjalan seperti biasa walaupun dengan SOP Industri perladangan sawit di Sabah dibenarkan untuk	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1925976

		meneruskan operasi harian mereka dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masing-masing bagi membendung penularan COVID-19.	
2.	Harian Metro 26 Jan 2021 (Essential)	SALCRA bayar NPP RM33.7 juta kepada peladang Seramai 12,994 peserta skim ladang kelapa sawit Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) menerima bayaran lebihan bersih (NPP) bagi tahun 2020 berjumlah RM33.7 juta.	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/668173/salcra-bayar-npp-rm337-juta-kepada-peladang
3.	New Straits Times 25 Jan 2021 (Non-essential)	Beware of polymer waste due to pandemic Surging Covid-19 cases worldwide has recorded up to 2 million fatalities to date (that is about 10 per cent of the total death during WW1), witnessed an overwhelming demand for medical attention in hospitals, necessitating medical institutions to have sufficient supplies of personal protection equipment (PPE).	https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2021/01/660390/beware-polymer-waste-due-pandemic

Penemuan penting & isu:

1. Sekiranya PKP sepenuhnya dilaksanakan, negeri Sabah dan rakyatnya akan mengalami kerugian besar dan ia juga memberi kesan kepada sosioekonominya. Sabah adalah negeri pengeluar minyak sawit terbesar di Malaysia dan daripada 5.8 juta hektar yang kini diliputi kelapa sawit (di seluruh negara), sebanyak 1.54 juta hektar terletak di Sabah dengan lebih 10,000 penanam sawit dan pekebun kecil.
2. Bayaran lebihan bersih (NPP) bagi tahun 2020 dipengaruhi oleh harga pasaran minyak sawit, pandemik COVID-19, bilangan tenaga kerja dan faktor cuaca. Harga pasaran minyak sawit pada 2020 agak rendah pada pertengahan pertama

dan hanya menjangkau paras RM3,000 satu tan pada September. Pandemik COVID-19 menggugat operasi ladang kerana kemasukan penuai yang majoritinya dari negara jiran disekat. Selain itu, pada tahun lalu juga negara mengalami taburan hujan yang tinggi jika dibanding dengan tahun sebelumnya dan ini merupakan faktor yang mempengaruhi prestasi penghasilan atau pengeluaran buah tandan segar. Manakala kawasan ladang yang matang juga berkurangan iaitu hanya 28,690 hektar disebabkan oleh penanaman semula dan dari jumlah kawasan matang itu, 5,205 hektar adalah kawasan matang muda dan sebanyak 9,639 hektar pula matang tua. Walau bagaimanapun, SALCRA yakin produktiviti ladangnya akan meningkat tahun ini.

3. *The demand for polymer-based PPE is also observed among enforcement personnel and civilians. PPE such as gloves, face masks, face shields, and coveralls are not just used in the medical sector but also heavily used as a part of household products and among service industries including cashiers, petrol pump and flight attendants, customer service staffs, and security guards to limit and eventually inhibit the Covid-19 infection. The disposal of used PPE in the medical sector is regulated by the local authorities, which are normally classified as biohazards. A more dire situation of polymer waste handling is focused on single used PPE among civilians. The compulsory implementation of using a (disposal) face mask in public areas would establish more contaminated waste, additively, and continuously harming the environment and ecosystem. The situation is equally observed from the usage or purchase of plastic-based items such as bottled water and straws.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan penerbitan Indikator Pertanian Terpilih 2020, keluasan bertanam kelapa sawit adalah 5,900.2 ribu hektar dengan estet 3,605.4 ribu hektar dan kebun kecil dengan 2,294.7 ribu hektar pada 2019. Pengeluaran buah tandan segar merekodkan sebanyak 99,065.4 ribu tan metrik bagi tempoh yang sama.
2. Buangan klinikal merujuk kepada buangan yang terdiri daripada keseluruhan atau sebahagian tisu manusia, darah atau bendalir badan, bahan kumuh, ubat-ubatan, produk farmaseutikal dan lain-lain. Ia diklasifikasikan sebagai buangan terjadual dibawah Jadual Pertama Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (BuanganTerjadual) 2005. Berdasarkan Kompendium Perangkaan Alam Sekitar 2020, kuantiti buangan klinikal pada 2019 sebanyak 33.8 ribu tan metrik. Tiga (3) negeri mencatatkan jumlah buangan klinikal tertinggi iaitu Selangor (7.3 ribu tan metrik), W.P. Kuala Lumpur (3.8 ribu tan metrik) dan Sarawak (3.7 ribu tan metrik).

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 28 Jan 2021 (Essential)	<p>Maybank to spend half a million ringgit to upskill non-clerical employees</p> <p>Malayan Banking Bhd has embarked on a nationwide eight month training programme (the first in the country) costing about half a million ringgit to upskill over 360 of its non-clerical employees.</p> <p>This programme will provide the non-clerical employees with new skills and enable them to accelerate career progression and take on greater responsibilities. This efforts to upscale its employees and equip them with necessary skills to thrive in the Industrial Revolution 4.0 (IR4.0) and Covid-19 work environment.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/maybank-spend-half-million-ringgit-upskill-nonclerical-employees
2.	The Malay Mail 27 Jan 2021 (Essential)	<p>Developing economies should create more high-level jobs in gig economy, says MTDC</p> <p>Governments of developing countries, including Malaysia, should put in place plans to create more high-level jobs like data scientists amid the growth of the gig economy. Instead of being trapped in low-level jobs like delivery services, people could work remotely in the gig economy such as by becoming a data scientist, human resource professional or any</p>	https://www.malaymail.com/news/monkey/2021/01/27/developing-economies-should-create-more-high-level-jobs-in-gig-economy-says/1944604

		<p>other technical jobs that offered a higher level of technical input.</p> <p>An ecosystem wherein this kind of high-level gig economy is promoted and accepted should be developed. Innovation would play the most crucial role to move a country towards IR 4.0 and particularly during the current COVID-19 era.</p>	
3.	The Edge Market 27 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Wage Subsidy Programme allocation totals RM20.7b, benefits over three million employees — MoF</p> <p>The government's allocation to the Wage Subsidy Programme (PSU) in 2020 and 2021 has amounted to a total of RM20.7 billion and has benefitted more than three million employees. Additional allocation of RM500 million in PSU 3.0 with the expansion of scope to include all companies affected by the Movement Control Order (MCO).</p> <p>The PSU 3.0 allocation under the PERMAI (Malaysian Economic and Rakyat Protection) assistance package totaled up to RM1.5 billion. PSU 1.0, which is still ongoing has utilised RM12.7 billion for 322,177 employers and 2.64 million employees who are registered.</p> <p>PSU 2.0, which was introduced under the Prihatin Supplementary Initiative Package (Kita Prihatin), a total</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/wage-subsidy-programme-allocation-totals-rm207b-benefits-over-three-million-employees-%E2%80%94-mof

		of RM590.35 million has been channelled to 57,146 employers to continue operating and maintaining the employment for 475,510 employees.	
4.	New Straits Times 26 Jan 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Govt, CIDB looking at possible central accommodation for construction workers</p> <p>The Works Ministry and Construction Industry Development Board (CIDB) are weighing the possibility of building a central accommodation for construction workers.</p> <p>The facility would serve as a measure to address the challenges of contractors in providing a clean, conducive and safe living environment to curb the spread of Covid-19. The matter was discussed in a virtual engagement session with 30 construction industry associations, leaders and representatives recently.</p> <p>It was stressed workers accommodation must meet with the National Security Council's Standard Operating Procedure (SOP) and the Workers' Minimum Standards of Housing and Amenities Act (Act 446).</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/01/660796/govt-cidb-looking-possible-central-accommodation-construction-workers
5.	New Straits Times 26 Jan 2021 <i>(Non-Essential)</i>	More hotels in Penang may cease operations if MCO, interstate travel ban continues	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/01/660750/more-hotels-penang-may-cease-

		<p>Many hotels were already badly affected by the Covid-19 pandemic, made worse with the interstate travel ban. While many hotels have opted for temporary closure following the implementation of the second Movement Control Order (MCO), those which remained in business only reported about two to four per cent occupancy rate.</p> <p>Adverse business conditions caused by the Covid-19 pandemic were reasons given by the Hotel Equatorial Penang in a memo to all employees informing them of the closure. The last day of business to the public has yet to be decided but will be before March 31, 2021.</p>	<u>operations-if-mco-interstate-travel-ban</u>
6	New Straits Times 27 Jan 2021 <i>(Non-Essential)</i>	VSS for staff of two Shangri-La Penang properties Shangri-La Hotels (Malaysia) Bhd offered a voluntary separation scheme for two of its Penang properties to employees who were keen to apply. The same scheme was also offered to staff of the adjoining Shangri-La's Rasa Sayang Resort, both located in Batu Ferringhi. The scheme is open to all employees except management category employees who are due for retirement in 2021.	<u>https://www.nst.com.my/news/nation/2021/01/660963/shangri-la-hotels-offering-vss-staff-two-penang-properties</u>
Penemuan penting & isu:			
1. Malayan Banking Bhd (Maybank) memulakan program latihan lapan bulan di seluruh negara dengan kos RM500 ribu untuk meningkatkan kemahiran			

lebih 360 pekerja bukan perkeranian. Program ini bagi meningkatkan kemahiran pekerja yang bersesuaian dalam persekitaran kerja Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan pandemic COVID-19.

2. Kerajaan negara membangun termasuk Malaysia perlu mempunyai pelan mewujudkan pekerjaan bertaraf tinggi seperti saintis data dalam perkembangan ekonomi gig. Berbanding peluang pekerjaan bertahap rendah seperti perkhidmatan penghantaran, pekerja boleh bekerja secara jarak jauh dalam ekonomi gig sebagai saintis data, profesional sumber manusia dan pekerjaan teknikal dengan input teknikal tahap tinggi.
3. Peruntukan kerajaan bagi Program Subsidi Upah (PSU) pada 2020 dan 2021 berjumlah RM20.7 bilion telah memanfaatkan lebih 3 juta pekerja. Tambahan RM500 juta diperuntukkan dalam PSU 3.0 dengan perluasan skop meliputi semua syarikat terjejas dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini menjadikan peruntukan bagi PSU 3.0 di bawah pakej bantuan PERMAI (Perlindungan Ekonomi & Rakyat Malaysia) berjumlah RM1.5 bilion. PSU 1.0 menggunakan RM12.7 bilion dan memanfaatkan 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja yang berdaftar. PSU 2.0 telah menggunakan RM590.35 juta dan memanfaatkan 57,146 majikan bagi meneruskan operasi dan mengekalkan pekerjaan untuk 475,510 pekerja.
4. Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mempertimbang kemungkinan untuk membina penginapan berpusat bagi pekerja sektor pembinaan. Langkah ini bagi menyediakan persekitaran tempat tinggal yang bersih, selamat dan kondusif untuk mengekang penularan COVID-19. Penginapan ini harus menepati Prosedur Operasi Standard (SOP) daripada Majlis Keselamatan Negara dan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan, dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446).
5. Banyak hotel telah terjejas teruk akibat COVID-19, ditambah pula dengan larangan merentas negeri. Kebanyakan hotel memilih untuk menutup sementara operasi semasa pelaksanaan PKP, manakala yang masih beroperasi melaporkan hanya dua ke empat peratus kadar penginapan. Keadaan perniagaan yang sukar akibat COVID-19 merupakan sebab pemakluman penutupan Hotel Equatorial Penang yang dijangka sebelum 31 Mac 2021.
6. Shangri-La Hotels (Malaysia) Bhd menawarkan skim pemisahan sukarela (VSS) kepada pekerja di dua hartaan di Pulau Pinang. Skim tersebut turut ditawarkan kepada kakitangan Rasa Sayang Resort Shangri-la yang terletak di Batu Ferringhi. Skim tersebut terbuka kepada semua pekerja kecuali pekerja kategori pengurusan yang akan bersara pada tahun 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh pada ST3 2020 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 15,840.6 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,095.6 ribu
 - iii) Penganggur: 745.0 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,324.6 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.4%
 - vi) Kadar pengangguran: 4.7%
2. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST3 2020:
 - i) Jumlah jawatan diisi adalah sebanyak 8,292 ribu, di mana yang tertinggi direkodkan di sektor Perkhidmatan dengan 4,353 ribu (52.4%). Ini diikuti sektor Pembuatan sebanyak 2,153 ribu (26.0%) dan sektor Pembinaan sebanyak 1,262 ribu jawatan diisi (15.2%).
 - ii) Jawatan diisi di sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit sebanyak 1,544 ribu (18.6%). Ini diikuti oleh subsektor Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan sebanyak 927 ribu (11.2%) manakala Makanan & minuman dan penginapan sebanyak 786 ribu (9.5%).
 - iii) Sektor Pembuatan didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal sebanyak 559 ribu (6.7%) diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 410 ribu (4.9%).
 - iv) Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) ST4 2020 disasar disebarluaskan kepada umum pada 9 Februari 2021.
3. Statistik pekerja bagi ST3 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST3 2020 adalah seperti berikut:
 - i) Pertanian: 1,875 ribu orang
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 78 ribu orang
 - iii) Pembuatan: 2,542 ribu orang
 - iv) Pembinaan: 1,404 ribu orang
 - v) Perkhidmatan: 9,197 ribu orang
 - vi) Jumlah: 15,096 ribu orang
4. Statistik produktiviti buruh bagi ST3 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST3 2020 adalah seperti berikut:

Aktiviti ekonomi	Produktiviti buruh mengikut jam bekerja		Produktiviti buruh mengikut pekerja	
	Nilai (RM)	Perubahan Peratusan Tahunan (%)	Nilai (RM)	Perubahan Peratusan Tahunan (%)
Pertanian	28.4	0.6	14,849	0.3
Perlombongan dan pengkuarian	458.8	-4.5	278,831	-4.6
Pembuatan	56.0	6.9	32,485	3.6
Pembinaan	17.9	-9.0	10,583	-10.2
Perkhidmatan	38.3	-1.4	21,749	-3.9
Jumlah	41.0	0.1	23,248	-2.2

5. Berdasarkan Laporan Survei Gaji & Upah tahun 2019, penengah gaji & upah bulanan adalah RM2,442 manakala purata gaji & upah bulanan sebanyak RM3,224.

6. Terdapat 1,256.2 ribu orang pekerja dalam sektor informal pada tahun 2019 berdasarkan Laporan Survei Guna Tenaga Sektor Informal. Pekerja kategori ini meliputi 8.3 peratus daripada keseluruhan pekerja di Malaysia.